

Malaysia diiktiraf rakan negara BRICS secara rasmi

Blok tambah 13 negara baharu dalam pakatan walau belum jadi ahli penuh

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia kini diiktiraf sebagai satu daripada 13 rakan negara yang ditambah secara rasmi dalam BRICS, sebuah blok ekonomi yang menyumbang satu per lima kepada perdagangan global.

Menurut kemas kini @BRICSInfo menerusi platform media sosial X, blok itu secara rasmi menambah 13 negara baharu dalam pakatan terbabit sebagai rakan negara, walaupun belum lagi menjadi ahli penuh.

Selain Malaysia, 12 negara lain ialah Algeria, Belarus, Bolivia, Cuba, Indonesia, Kazakhstan, Nigeria, Thailand, Turki, Uganda, Uzbekistan dan Vietnam.

Perbezaan utama antara negara anggota dan rakan negara BRICS terletak pada tahap pembabit dan hak yang mereka miliki dalam organisasi ini.

Negara anggota BRICS yang mempunyai status keahlian penuh iaitu Brazil, Russia, India, China dan Afrika Selatan memiliki hak untuk terbabit dalam semua proses membuat keputusan dan menentukan hala tuju organisasi.

Blok itu sudah berkembang dengan meliputi Iran, Mesir, Ethiopia, dan Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Negara anggota memiliki pengaruh dalam membentuk dasar, struktur organisasi serta tadbir urus institusi BRICS, seperti Bank Pembangunan Baharu (NDB).

Selain itu, negara anggota mendapat manfaat penuh daripada inisiatif BRICS, termasuk pembiayaan projek pembangunan, kerjasama ekonomi dan pengaruh diplomatik pada peringkat global.

Semua keputusan utama dalam BRICS diambil melalui perundingan dan konsensus antara negara anggota.

Untuk rakan negara BRICS pula, ia tidak memiliki keahlian penuh, tetapi boleh bekerjasama



dengan BRICS dalam pelbagai bidang seperti perdagangan, pelaburan, pembangunan infrastruktur dan isu-isu global.

Nikmati kerjasama ekonomi

Negara rakan tidak mempunyai kuasa untuk membuat keputusan utama dalam BRICS, tetapi mungkin dijemput untuk menyertai mesyuarat atau acara tertentu, selain peranan mereka lebih kepada perkongsian strategi atau projek berbanding membuat dasar.

Namun, negara rakan boleh menikmati kerjasama ekonomi melalui perdagangan dan pelaburan dengan negara BRICS, selain boleh terbabit dalam inisiatif bersama dalam sektor pembangunan, meskipun pembabitannya itu terhad dan bergantung

pada perjanjian khusus.

Sebagai rekod, pada 28 Julai lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengesahkan Malaysia sudah mengemukakan permohonan kepada Russia untuk menyertai pertubuhan antara kerajaan BRICS.

Russia kini mempengerusikan blok itu.

Sebelum ini, Anwar mengesahkan hasrat Malaysia untuk menyertai BRICS ketika perbincangan dengan Presiden Brazil, Luiz Inacio Lula da Silva.

BRICS mewakili kira-kira 40 peratus daripada populasi global dan menyumbang Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) terkumpul AS\$26.6 trilion (RM115.5 trilion) atau 26.2 peratus kepada KDNK dunia, hampir menyamai ekonomi Kumpulan Tujuh (G7).